

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
OLEH NAIB CANSELOR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Y.BHG PROF. DATO' DR MUSA BIN AHMAD**

**SEMPENA
MAJLIS PENGANUGERAHAN SIJIL PEMBIMBING IBADAT HAJI
DAN PENUTUP PROGRAM SIJIL PEMBIMBING IBADAT HAJI
(SPIH) 2016**

**2 JUN 2016 (KHAMIS)•10.30 PAGI
DEWAN KULIAH FAKULTI (DKF) 1.2 FKP**

Terima kasih Saudara/i pengacara majlis

Bismillahirrahmanirrahim

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera,
Salam 1 Malaysia dan Salam Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli*

[Salutasi]

Yang Berbahagia Dato' Syed Saleh Syed Abdul Rahman
(Pengurus Besar Kanan Haji), Lembaga Tabung Haji

Yang Berbahagia Dato' Ahmad Sohaimi Abd Rahim
(Pengurus Besar Penyelidikan dan Pembangunan Haji),
Lembaga Tabung Haji

Yang Berusaha Haji Nurrinanuwar bin Shamsuddin
Pengurus Besas (Pengurusan Haji)
Lembaga Tabung Haji

Yang Mulia Tengku Haji Aziz bin Raja Abdullah
Pengurus Besar (Bimbingan)
Lembaga Tabung Haji

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd. Yahya Mohamed Ariffin,
Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Pegawai-Pegawai Kanan Lembaga Tabung Haji,

Para Penceramah, seterusnya

Para Peserta Kursus Sijil Pembimbing Ibadat Haji (SPIH) 2016 yang
saya muliakan sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat Inayah dan kurniaNYA kita dapat berkumpul pada pagi ini bagi menjayakan Majlis Penganugerahan Sijil Pembimbing Ibadat Haji dan Penutup Program Sijil Pembimbing Ibadat Haji (SPIH) 2016 yang dianjurkan secara secara kerjasama oleh Lembaga Tabung Haji (*TH*) dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada pihak pengajur kerana sudi menjemput saya untuk menutup Program Sijil Pembimbing Ibadat Haji dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta. Saya juga merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua peserta kerana telah berjaya mengikuti program ini dengan cemerlang.
2. Saya difahamkan bahawa penganjuran Program Sijil Pembimbing Ibadat Haji kali ini merupakan penganjuran **kali ke-7** semenjak ianya mula diadakan pada tahun 2010. Setelah enam hari para peserta mengikuti modul ini, (iaitu 3 hari bagi

setiap sesi) maka hari ini merupakan hari yang dinanti oleh semua iaitu hari penganugerahan sijil pentauliahan kepada bakal Pembimbing Haji dan Umrah. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua peserta kerana mengikuti program ini dengan penuh tekun dan jayanya. Inilah yang dikatakan sebagai pembelajaran sepanjang hayat yang mana pencarian ilmu itu tiada penghujung. Mudah-mudahan usaha tuan/puan mencari ilmu dengan penuh ikhlas dan dicatat sebagai satu amal soleh dan diterima Allah SWT

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

3. Seperti mana yang kita semua ketahui, mengerjakan ibadat haji di Tanah Suci Mekah memerlukan bakal jemaah membuat persiapan rapi daripada segenap aspek. Ini termasuklah persiapan daripada aspek pengetahuan hukum-hakam berkaitan manasik haji, aspek pengurusan diri semasa berada di Tanah Suci, kefahaman peraturan kerajaan Malaysia dan Arab Saudi, aspek kesihatan dan risiko di Tanah Suci, jaringan hubungan dan lain-lain lagi. Selain itu, penglibatan pembimbingan Muslimah amat penting bagi para jemaah. Ini kerana terdapat pelbagai isu-isu berkaitan Muslimah dan Ibadah perlu dipantau dan dibantu sewaktu di Tanah Suci. Allah SWT Maha Menghitung, usaha ikhlas anda membantu para jemaah Insyaallah akan diberi ganjaran pahala dari Allah SWT.

4. Selain itu, para Jemaah perlu juga didedahkan dengan cabaran, rintangan, kesusahan dan keperitan semasa perlaksanaan ibadat yang mulia ini. Pengalaman ini perlu dikongsi oleh para pembimbing kepada para jemaah agar mereka dapat bersedia dan tidak menganggap pergi ke Tanah Suci adalah seperti pergi melancong ke negara-negara lain. Walaupun Tanah Suci mempunyai pelbagai tempat-tempat menarik dan bersejarah, ianya tidak sama dengan tempat lain. Para pembimbing harus mampu menerapkan elemen-elemen kerohanian di dalam jiwa dengan menceritakan sejarah tamadun Islam yang berkaitan kepada para jemaah agar setiap pergerakan, usaha, serta pengalaman mereka di Tanah Suci boleh dikira sebagai Ibadah dan seterusnya membantu jemaah mencapai Haji dan Umrah yang mabrur.
5. Begitu juga, kita tidak mahu melihat para jemaah mengalami sebarang bentuk gangguan sama ada dalam aspek emosi, psikologi dan rohani semasa mereka sedang rancak melaksanakan ibadat haji ini. Justeru, langkah Lembaga Tabung Haji (*TH*) dan FKP mengadakan Program Sijil Pembimbing Ibadat Haji kepada para Pembimbing Ibadat Haji amat baik. Penilaian kandungan kursus secara berterusan dengan mengambil-kira pandangan peserta-peserta lalu, pengalaman fasilitator, nasihat *TH*, dan juga akademik USIM mampu meningkatkan kualiti penganjuran SPIH dari tahun ke tahun. Saya yakin melalui program pengajian ini, peserta telahpun didedahkan dengan pelbagai ilmu dan kemahiran baru

untuk disampaikan kepada bakal jemaah. Gabungan penceramah atau fasilitator program dari Lembaga Tabung Haji (TH) dan FKP dilihat sebagai membentuk satu pasukan yang mantap dan saling lengkap melengkapi.

6. Perubahan prasarana yang diusahakan oleh pihak kerajaan Arab Saudi di Tanah Suci Mekah tentunya sedikit sebanyak memberi cabaran baharu kepada para jemaah. Justeru, para jemaah perlu dilengkapi dengan segala pengetahuan dan kemahiran serta sikap yang bersesuaian untuk menghadapi cabaran ini. Di samping itu, permasalahan hukum dan isu-isu yang berkaitan dengan ibadat haji juga perlu diperjelaskan kepada bakal jemaah yang datang dari pada pelbagai latar belakang. Begitu juga, isu pengurangan kuota jemaah yang diputuskan Kerajaan Arab Saudi sedikit-sebanyak mungkin memberikan cabaran kepada Pembimbing Ibadat Haji. Saya doakan, disebalik cabaran-cabaran ini, Malaysia akan kekal menjadi negara contoh menghasilkan Pembimbing Ibadat Haji dan Umrah yang berkemahiran serta berdisiplin. Sebenarnya pada siapa lagi untuk diletakkan tanggungjawab membimbing bakal jemaah, kalau tidak pada Pembimbing Ibadat Haji sekalian. Saya yakin bahawa segala usaha yang telah dilakukan sebagai Pembimbing Ibadat Haji itu sangat mulia di sisi Allah SWT.
7. Adalah menjadi tuntutan Islam agar jemaah Haji dan Umrah dapat melaksanakan ibadah haji dan umrah dengan mabrur.

Perkara ini sejajar dengan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari yang bermaksud:

“Wahai Rasulullah, kami memandang bahwa jihad adalah amalan yang paling utama. Apakah berarti kami harus berjihad?” “Tidak. Jihad yang paling utama adalah haji mabrur”, jawab Nabi shallallahu ‘alaihi wa sallam.”

[Pantun]

8. Akhir kalam, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua peserta yang berjaya menamatkan Program Sijil Pembimbing Ibadat Haji (SPIH) dengan jayanya. Semoga semua ilmu, maklumat dan kemahiran yang diperolehi dalam program ini akan dapat disampaikan dan dikongsi kepada semua pada jemaah di bawah bimbingan kelak. Terima kasih yang tidak terhingga saya sekali lagi kepada Lembaga Tabung Haji dan FKP serta semua pihak yang menjayakan program ini. Saya berdoa, mudah-mudahan usaha murni ini dicatat sebagai suatu himpunan daripada amalan-amalan soleh kita dan kita semua mendapat barakah daripada Allah SWT.

Dengan rasa syukur kehadrat Allah SWT dan dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim* saya merasmikan **Majlis Penyampaian Sijil dan Penutup Program Sijil Pembimbing Ibadat Haji (SPIH) Tahun 2016.**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته Sekian.